

21 DISEMBER 2017

‘Senjata’ dadah percuma

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Mengedarkan dadah secara percuma. Itu senjata halus digunakan Israel dalam mempengaruhi pemikiran anak muda di Palestin.

Pendedahan itu dikongsi oleh Pengerusi Jawatankuasa Al Quds, Kesatuan Ulama Sedunia Syeikh Dr Mraweh Mousa Nassar yang berkata, Israel bukan sekadar menggunakan kekerasan, malah turut mengumpukan dadah bagi memusnahkan generasi Palestin secara halus.

“Rakyat Palestin mendapat tekanan dahsyat daripada tentera Israel setiap hari. Mereka yang duduk di Baitulmaqdis dikenakan cukai tinggi dan tidak dibenarkan masuk sepenuhnya dalam Masjidilqasa.

“Sekarang, orang Israel dan Yahudi sedang cuba merosakkan pemuda-pemudi Palestin dengan memberi dadah percuma namun pendu-

‘Senjata’ dadah percuma

Rejim Zionis guna taktik halus pengaruhi fikiran generasi muda Palestin

Foto: EZAIRI SHAMSUDIN

duk Palestin tidak duduk diam sebaliknya giat melakukan usaha bagi memulihkan semangat anak muda.

“Banyak program masih berjalan antaranya fokus kepada pemulihan dengan mengadakan kelas pengajian al-Qurap dan kaunseling halaqah ilmu bagi menarbiyah pemuda-pemudi bagi mengembalikan semula kesedaran mereka mengenai matlamat meneruskan perjuangan asal kami,” katanya kepada Harian Metro dalam bahasa Arab yang diterjemahkan Perunding Aman Palestin Berhad Muhammad Sabrin Muda.

Dr Mraweh ditemui ketika penganjuran Simposium Al Aqsa bertajuk Kebeharuan Yang Berbilang Terungkal di Masjid Wilayah di sini,



PESERTA simposium mendengar penerangan teliti diberikan Dr Mraweh, semalam

semalam yang turut dihadiri Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Tan Sri Othman Mustapha dan Ketua Pegawai Eksekutif Aman Palestin Berhad, Awang Suffian Awang Puit.

Bagaimanapun, Dr Mraweh mempunyai sudut pandangan berbeza mengenai keputusan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel yang disifatkannya mempunyai hikmah tersendiri.

“Negara kami ditindas tiada berkesudahan dengan macam-macam tekanan. Namun saya melihat pengumuman Trump itu satu benda positif yang mengembalikan semula isu Palestin ini kepada perkara asal dan kami tidak berjuang keseorangan lagi.

“Kita lihat ke-

bangkitan umat Islam seluruh dunia yang menyatakan kemarahan kepada keputusan Trump ini satu petanda baik bertepatan dengan matlamat kita mahu isu Palestin ini diselesaikan bukan hanya penduduk Palestin saja tetapi umat Islam secara keseluruhannya,” katanya.

Sementara itu, Awang Suffian berkata, adalah wajar Malaysia mencontohi tindakan berani Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan yang menyatakan pendirian mahu membuka Kedutaan Turki di Baitulmaqdis Timur.

“Pendapat saya, sewajarnya tindakan berani itu diikuti negara Islam lain termasuk Malaysia bagi menyokong penubuhan negara Palestin dan sebenarnya Baitulmaqdis adalah ibu negara Palestin yang abadi.

“Kita harus faham, membuka kedutaan di sana tidak bermakna kita mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel tetapi kembali kepada asal kita hanya mengiktiraf negara Palestin sebagai sebuah negara merdeka mengikut sejarah asal,” katanya.



“ Saya melihat pengumuman Trump itu satu benda positif yang mengembalikan semula isu Palestin Dr Mraweh ”



AWANG Suffian